

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

REG 265 – Teknologi Infrastruktur

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

- 2 -

1. (a) Dalam konteks sistem retikulasi bekalan air, huraikan dengan bantuan lakaran keperluan tekanan yang berbeza untuk 4 jenis bangunan berikut:-

- (i) banglo 3 tingkat
- (ii) pangsapuri 5
- (iii) pangsapuri 10 tingkat
- (iv) bangunan pejabat 60 tingkat

(12 markah)

- (b) Anda telah ditugaskan untuk menyediakan sistem bekalan air bagi satu pelan tatatur cadangan sebuah pembangunan. Huraikan kaedah untuk menentukan samada menara tangki air diperlukan atau tidak untuk pelan tatatur yang bakal anda sediakan.

(8 markah)

2. Dengan menggunakan data dan rumus yang diberikan, kira kadar aliran air larian permukaan daripada kawasan tadahan sistem perparitan air permukaan di RAJAH 1. Kira juga kadar aliran perparitan untuk menentukan samada ianya berupaya menyalurkan air larian yang terhasil. Gunakan JADUAL 1 yang dilampirkan untuk jawapan anda.

Rumus

$$(a) V = 0.33 d^{2/3} s^{1/2}$$

di sini: V - halaju aliran (m/saat)
 d - garispusat paip (mm)
 s - cerun (m/m)

$$(b) i = \frac{760}{t + 10}$$


di sini: i - keamatan hujan (mm/jam)
 t - jangka masa hujan (minit)

$$(c) Q = 10^{-3} i A$$

di sini: Q - kadar aliran air larian (m^3/jam)
 i - keamatan hujan (mm/jam)
 A - luas kawasan tadahan (m^2)

- 3 -

(d) Masa kemasukan = 3 minit



RAJAH 1

(20 markah)

3. (a) Anda telah ditugaskan untuk menyediakan sistem pembetungan bagi satu pelan tatatur cadangan sebuah pembangunan.
- Bincangkan semua kriteria yang anda perlu pertimbangkan untuk memastikan pemilihan lokasi loji rawatan kumbahan yang sesuai.
 - Bincangkan dengan bantuan lakaran, keperluan zon penampungan untuk kawasan residensi, komersil dan industri bagi loji rawatan terbuka dan tertutup.

(12 markah)

- (b) Kira garispusat satu betung yang menerima kumbahan daripada 200 unit rumah teres. Andaikan aliran penuh. Gunakan Rumus Manning untuk pengiraan.

(8 markah)

$$\begin{aligned}
 \text{Kadar alir, } q &= 225 \text{ l/orang/hari} \\
 \text{Isirumah} &= 5/\text{orang/unit} \\
 \text{Faktor kadar alir} &= 6
 \end{aligned}$$

Rumus Manning

$$V = \frac{1}{n} m^{2/3} \sqrt{i}$$

di sini: V - halaju aliran (m/s)

n - pemalar manning ($n = 0.012$)

m - dalaman min hidraul $\left[\frac{m^2}{m} \right]$

i - cerun $\left[i = \frac{1}{200} \right]$

4. Dengan bantuan lakaran, bincangkan ciri-ciri, kelebihan dan kekurangan kaedah sambungan sistem-sistem penghantaran elektrik yang berikut:-
 - (a) Sistem grid nasional
 - (b) Sistem *bus-ties*
 - (c) Sistem gelang(20 markah)

5. Isikan ruang-ruang kosong yang berkenaan pada jadual pengiraan susut voltan pada **LAMPIRAN X** dengan merujuk kepada **LAMPIRAN Y**. Berdasarkan maklumat pada jadual ini, lakarkan rajah rangkaian susut voltan.
 (20 markah)

6. Dengan bantuan lakaran, bincangkan secara ringkas proses-proses yang terlibat dalam pembekalan elektrik untuk pembangunan sesuatu kawasan perumahan.
 (20 markah)